

Rukun Negara

Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama, iaitu membentuk perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia. Rukun Negara terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:



Bahagian Pertama

Menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang mahu dibentuk:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat,
- Memelihara satu cara hidup demokratik,
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama,
- Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak, dan
- Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.



Bahagian Kedua

Menggariskan Lima Prinsip Rukun Negara seperti yang berikut:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

